

# Penang Port labur RM155 juta bagi membesarkan dermaga

Oleh **NUR HANANI AZMAN**  
ekonomi@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR 25 Feb.** - Penang Port Sdn. Bhd., bekerjasama dengan Royal Caribbean Cruises Ltd., syarikat kapal persiaran Amerika Syarikat untuk menambah kapasiti dermaga bagi membolehkan dua kapal persiaran mega berukuran lebih 300 meter berlabuh serentak.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, V. Sasedharan berkata, dermaga sedia ada buat masa ini hanya mampu menampung sebuah kapal persiaran mega dan kapal yang lebih kecil.

Katanya, pelan pelaksanaan peluasan dermaga yang diunjur memhabitkan pelaburan sebanyak RM155 juta itu, dijangka ber-



**SASEDHARAN Vasudevan menunjukkan aktiviti operasi di sekitar Pelabuhan Pulau Pinang dalam majlis bersama media di Pulau Pinang, baru-baru ini.**-UTUSAN/AMIR HAFIZ ABD RAHMAN

mula pada separuh kedua 2018 dan bakal siap dalam tempoh 24 bulan akan datang.

"Seiring dengan pelan terse-

but, Penang Port menyasar kendalian satu juta penumpang kapal persiaran antarabangsa dalam tempoh lima tahun ber-

banding 400,000 penumpang direkodkan pada 2017.

"Kami yakin segmen kapal persiaran mempunyai poten-

si besar justeru mahu memperluaskan saiz terminal bagi menampung sehingga 12,000 penumpang daripada 8,000 penumpang ketika ini," katanya kepada semasa lawatan media baru-baru ini ke Pelabuhan Pulau Pinang yang dianjurkan oleh MMC Corp Bhd.

Anak syarikat milik penuh MMC Corp., MMC Port Holdings Sdn. Bhd., menguasai ekuiti sebanyak 49 peratus dalam Penang Port dan bercadang membeli baki 51 peratus kepentingan ekuiti.

Pembelian itu memberi prospek baik kepada MMC dalam usahanya untuk mengekalkan kedudukannya sebagai penggiat utama dalam industri pelabuhan di Malaysia.

Penang Port menyumbang ki-

ra-kira 20 hingga 30 peratus kepada perolehan Kumpulan MMC pada tahun lalu.

Ujar Sasedharan lagi, kemasukan penumpang-penumpang antarabangsa kapal persiaran memberi impak ekonomi yang positif terhadap negeri, peruncit, penyedia perkhidmatan, perniagaan dan komuniti sekitar pelabuhan.

Jelasnya, setiap penumpang kapal persiaran biasanya akan membelanjakan sekitar AS\$70 (RM274) setelah berlabuh di pelabuhan dan ketika bersiar di kawasan berhampiran.

"Purata perbelanjaan global setiap penumpang ini adalah sekitar AS\$150 (RM588), maka masih terdapat ruang untuk terus berkembang," katanya.

26/2/2018 utusan